



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MALAYSIA PERKUKUH KOMITMEN LINDUNGI HAK KANAK-KANAK DI PERINGKAT ANTARABANGSA

GENEVA, 23 JANUARI 2026 – Malaysia menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus memperkukuh komitmen dalam melindungi serta memartabatkan hak kanak-kanak agar selari dengan piawaian antarabangsa.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, berkata demikian ketika mengetuai delegasi Malaysia ke Sesi Ke-100 Jawatankuasa mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland.

Menurut beliau, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitan kesejahteraan kanak-kanak, antaranya penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, pelaksanaan reformasi undang-undang berkaitan perlindungan kanak-kanak serta penambahbaikan dasar dan program sokongan bagi memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak terus terpelihara.

Penyertaan Malaysia ke sesi dialog kali ini merupakan satu pencapaian bersejarah, memandangkan kali terakhir negara menyertainya adalah pada tahun 2007. Ia juga merupakan penyertaan pertama yang diketuai oleh seorang Menteri, sekali gus mencerminkan keseriusan Kerajaan dalam memperkukuh agenda hak kanak-kanak di peringkat global.

Dalam sesi berkenaan, Jawatankuasa CRC turut mengambil peluang memuji usaha berterusan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia berkaitan kebajikan dan perlindungan kanak-kanak, di samping mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan untuk dipertimbangkan dan dilaksanakan.

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) merupakan salah satu instrumen hak asasi manusia utama di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang merangkumi 54 artikel merentas pelbagai isu berkaitan kanak-kanak. Sebagai negara pihak, Malaysia bertanggungjawab melaporkan perkembangan dan situasi hak asasi manusia berkaitan kanak-kanak secara berkala kepada Jawatankuasa CRC.

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) berlangsung di Geneva pada 22 dan 23 Januari 2026. Delegasi Malaysia turut disertai YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta beberapa wakil kementerian lain.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
23 JANUARI 2026**